

11/09/2002

MDV bantu rapatkan jurang digital

MALAYSIA Debt Ventures Berhad (MDV), bersedia membantu merapatkan jurang digital di negara ini dan global menerusi penyediaan skim bantuan kewangan bagi syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan dan antarabangsa berdasarkan kemampuannya menawarkan pinjaman secara fleksibel dalam bentuk kontrak, surat jaminan korporat, surat kredit dan hak harta intelek.

Pengarah urusannya merangkap ketua eksekutif, Jiro Suzuki, berkata selama ini kebanyakan syarikat ICT sukar mendapat pembiayaan daripada bank kerana pihak berkenaan meminta sandaran besar untuk memastikan projek dicadangk an mendapat kelulusan pembiayaan.

"Peranan MDV ialah antara pihak bank yang memberi pinjaman dan syarikat modal teroka yang memberikan bantuan kewangan kepada syarikat ICT. MDV menyediakan sumber pembiayaan alternatif iaitu mensyaratkan sandaran lebih fleksibel," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas pelancaran rasmi dana ICT MDV oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Samsudin Hitam dan Pengerusi MDV, Dr Abdul Samad Alias.

Dana ICT berjumlah RM1.6 bilion itu diperolehi daripada kerajaan Jepun menerusi Bank Jepun Bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC) dalam bentuk pinjaman tidak terikat kepada Malaysia bagi membantu memajukan ICT.

Dana yang akan disalurkan dalam 15 bahagian sepanjang tempoh empat tahun sesetengah itu dibahagi kepada tiga skim iaitu Skim Pinjaman Berasaskan Projek, Skim Jaminan dan Skim Pembiayaan Eksport.

Dana berkenaan terbuka kepada semua industri atau organisasi perniagaan yang memanfaatkan ICT untuk aktiviti mereka merangkumi pembangun multimedia, pengeluar produk berteknologi tinggi, penyedia perkhidmatan, syarikat kewangan, sektor pendidikan, penjagaan kesihatan dan perniagaan berasaskan Internet.

Beliau berkata, permohonan dana berkenaan adalah terbuka kepada syarikat ICT yang baru ditubuhkan, syarikat yang disenaraikan di bursa saham, syarikat yang memiliki atau tidak memiliki status syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC) atau syarikat ditubuhkan di Malaysia tetapi 100 peratus dimiliki warga asing.

"Ketika ini, MDV menerima 40 permohonan daripada syarikat yang berminat untuk mendapatkan pembiayaan menerusi dana terbabit. Buat permulaan MDV menerima dana berjumlah RM311 juta yang akan diagihkan kepada syarikat ICT yang layak dalam tempoh setahun.

"MDV menawarkan kadar faedah lebih rendah berbanding bank konvensional," katanya.

Katanya, bagi permohonan untuk bantuan dana berjumlah lebih RM120 juta bagi satu projek, MDV akan membuat rujukan kepada Bank Jepun Bagi Kerjasama Antarabangsa (JBIC).